# MANUAL PENGGUNA SISTEM AGIHAN BANTUAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

# Modul Permohonan Online v2.0



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama Projek :** | Sistem Agihan Bantuan Negeri Terengganu | | |
| **Penasihat Projek :** | Puan Afnida Aini Binti Alwi | **Pengarah Projek :** | Encik Azhar Bin Bidin |
| **Nama Dokumen :** | Manual Pengguna Sistem Agihan Bantuan – Modul Permohonan Online | **Tarikh Versi :** | 23 Januari 2019 |
| **Disediakan oleh :** | Puan Marlini Binti Ahmad Tmiddin | **Tarikh :** | 23 Januari 2019 |



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

## KANDUNGAN

| BIL. | TAJUK | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | 4 |
| 2. | Proses Kerja | 4 |
| 3. | Antaramuka sistem | 5 - 8 |



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

## 1. PENGENALAN

Sistem Agihan Bantuan Kerajaan Negeri Terengganu telah dibangunkan utntuk mengurus semua permohonan bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada rakyat. Bantuan-bantuan yang telah dilaksanakan sebelum ini seperti Bantuan Perayaan, Program Remaja Bakti, Bantuan Persekolahan, Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera (LMTS) akan diselaraskan di bawah satu pangkalan data bersepadu kerajaan negeri.

Objektif utama manual pengguna bagi modul Permohonan Online ini disediakan adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pemohon yang layak membuat permohonan sendiri secara *online* menggunakan Sistem Agihan Bantuan yang menggantikan penggunaan borang permohonan manual sebelum ini.

Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang :

***idana.terengganu.gov.my***

## 2. PROSES KERJA

Terdapat **6 langkah** yang perlu dilalui semasa membuat permohonan seperti berikut:




### Langkah 1 : Semakan

Semakan dibuat dengan menggunkan **No. Kad Pengenalan** pemohon.

### Langkah 2 : Pilihan Bantuan

Semua bantuan yang dibuka untuk permohonan akan disenaraikan dan pemohon boleh memilih bantuan yang dibenarkan sahaja.

### Langkah 3 : Syarat Kelayakan

Semua syarat-syarat kelayakan akan disenaraikan dan pemohon hendaklah mempersetujui syarat-syarat tersebut bagi meneruskan permohonan.

### Langkah 4 : Mohon

Semua maklumat permohonan yang wajib diisi bertanda * . Sebahagian maklumat adalah pilihan (tidak wajib disisi).



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

**Langkah 5 : Pengesahan**

Pemohon hendaklah mengesahkan dan bertanggungjawab ke atas semua maklumat permohonan yang telah dibuat.

**Langkah 6 : Cetak Permohonan**

Pemohon dikehendaki mencetak **Borang Permohonan** dan menyerahkannya kepada MPKK/Penghulu Mukim untuk dibuat pengesahan. MPKK/Penghulu Mukim berhak menerima atau tidak menerima permohonan tersebut. MPKK/Penghulu Mukim akan membuat pengesahan Akuan Terima permohonan dan menyerahkan slip Akuan Terima tersebut kepada pemohon sebagai bukti Borang Permohonan telah diterima dan disahkan.

## 3. ANTARAMUKA SISTEM

| LANGKAH | ARAHAN | KEPUTUSAN |
|---|---|---|
| **1.** | Masukkan **No. Kad Pengenalan** dan tekan butang **Semak**.<br><br>Pemohon boleh memilih *icon-icon* panduan permohonan untuk mendapatkan keterangan lanjut. |  |
| | Mesej kesalahan akan dipaparkan sekiranya No. Kad Pengenalan tidak dimasukkan. |  |



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

| | | |
|---|---|---|
| **2.** | Pilih salah satu **Jenis Permohonan** yang ingin dipohon dan tekan butang **Permohonan Baru**.<br><br>Keputusan Permohan dipaparkan bagi pemohon yang telah membuat permohonan sebelum ini dan mereka tidak dibenarkan memilih Jenis Permohonan yang setara (bagi Bantuan Raya dan Remaja Bakti, hanya salah satu sahaja dibenarkan memohon dalam tahun yang sama). | <br> |
| **3.** | Tanda di kotak perakuan sebagai menerima syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan  dan tekan butang **Saya Setuju**. |  |
| **4.** | Masukkan semua maklumat permohonan yang wajib diisi (bertanda *).<br><br>Bagi maklumat tanggungan, masukkan satu persatu rekod tanggungan dan tekan butang **Tambah**. Sekiranya rekod tanggungan ingin dihapus, tandakan rekod berkenaan dan tekan butang **Batal Permohonan** |  |



© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019

<table>
<tr>
<td></td>
<td>Setelah selesai mengisi maklumat permohonan, tekan butang Hantar Permohonan</td>
<td>
</td>
</tr>
<tr>
<td>5.</td>
<td>Maklumat permohonan dipaparkan.<br><br>Tandakan pada kotak perakuan dan tekan butang Sahkan Permohonan.</td>
<td>
</td>
</tr>
<tr>
<td>6.</td>
<td>Notis Permohonan sedang diproses dipaparkan dan tekan butang Cetak Borang Permohonan.<br><br>Pop-up window dipaparkan. Pemohon boleh membuka atau menyimpan Borang Permohonan berkenaan dalam fail pdf yang berasingan.</td>
<td></td>
</tr>
</table>



**© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019**

| | | |
|---|---|---|
| **7.** | Sila cetak **Borang Pemohonan** berkenaan untuk diserahkan kepada MPKK/Penghulu Mukim bagi proses pengesahan dan pengesyoran.<br><br>Pemohon hendaklah mengisi **Bahagian B : Akuan Pemohon** sebelum diserahkan kepada MPKK/Penghulu Mukim.<br><br>**Bahagian C** perlu diisi oleh MPKK/Penghulu Mukim sebelum dihantar ke Pejabat Daerah<br><br>Keratan Akuan Terima hendaklah disimpan oleh pemohon setelah mendapat pengesahan MPKK/Penghulu Mukim sebagai bukti Borang Permohonan telah diserah dan diterima oleh MPKK/Penghulu Mukim. | **KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**<br>**BORANG PERMOHONAN LESEN MOTOSIKAL TERENGGANU SEJAHTERA (LMTS)**<br><br>**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**<br>1. Berumur di antara 16 hingga 40 tahun pada tarikh permohonan borang<br>2. Berpendapatan tetap bulanan tidak melebihi RM 2,000.00 sebulan.<br>3. Borang permohonan hendaklah dikemukan kepada Pengerusi MPKK masing-masing bagi tujuan pengesahan. Sila bawa bersama salinan dokumen sebagaimana berikut :-.<br>i) Kad Pengenalan Pemohon<br>ii) Slip gaji bagi mereka yang telah bekerja atau;<br>iii) Surat Pengakuan Pendapatan yang disahkan oleh Pengerusi MPKK atau Penghulu Mukim bagi yang tiada slip gaji atau Pengesahan<br>4. Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan ini ditolak.<br>5. Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.<br><br>DAERAH KUALA TERENGGANU MUKIM CHENDERING JKKK KG. CHENDERING<br>PARLIMEN KUALA TERENGGANU DUN BATU BURUK<br><br>**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON**<br>No. Kad Pengenalan 820517145961 — Bangsa MELAYU<br>Nama MARLINI AHMAD — Jantina PEREMPUAN<br>Alamat TAMAN BUKIT JALAN DESA KUALA TERENGGANU 21080 TERENGGANU — Umur 37<br>Tarikh Lahir 1982-05-17<br>No Telefon (R)<br>No Telefon (HP) 0139328059<br>Status Pekerjaan TETAP — Pendapatan RM 1200<br>Jawatan KERANI<br>Nama Majikan/Pengajian — No. Telefon<br>Alamat<br>Institut Memandu 1 INSTITUT MEMANDU BESUT SDN BHD<br>Institut Memandu 2 INSTITUT MEMANDU KEMBAR TEGUH SDN BHD<br>Institut Memandu 3 INSTITUT MEMANDU PSM ACADEMY (M) BERHAD<br><br>**BAHAGIAN B: AKUAN PEMOHON**<br>Saya ______________ No. Kad Pengenalan ______________<br>a) Dengan ini saya mengakui bahawa, sekiranya saya memberikan atau menggunakan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat untuk memperdayakan bagi kepentingan dan keuntungan peribadi saya boleh didakwa di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana disabitkan oleh Mahkamah saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda lima (5) kali nilai suapan/nilai pemalsuan atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana lebih tinggi; dan<br>b) Sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah Seksyen 420 dan 468 Kanun Keseksaan yang mana jika disabitkan, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dan tidak melebihi 10 tahun serta denda (Seksyen 420) dan tidak melebihi tujuh (7) tahun dan denda (Seksyen 468).<br>Tandatangan / Cap Jari Pemohon : ______________ Tarikh :__________<br><br>**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**<br>**BORANG PERMOHONAN LESEN MOTOSIKAL TERENGGANU SEJAHTERA (LMTS)**<br><br>**BAHAGIAN C: PENGESAHAN PENGERUSI MPKK**<br>Saya mengesahkan bahawa pemohon ini adalah *layak/tidak layak dan telah mengemukan maklumat permohonan yang betul sebagaimana dokumen sampingan yang disertakan.<br>Tandatangan dan Cop :______________<br>Nama :______________<br>Jawatan :______________ Tarikh: ______________<br><br>* Sila potong dan serahkan bagi simpanan pemohon<br>**AKUAN TERIMA**<br>**LESEN MOTORSIKAL TERENGGANU SEJAHTERA (LMTS)**<br>Nama Pemohon MARLINI AHMAD — No. Kad Pengenalan 820517145961<br>Diterima Oleh : — Jawatan :<br>MPKK : — Cop Rasmi :<br>Tarikh Terima :<br>* Sila serahkan borang permohonan ini berserta salinan dokumen sampingan kepada Pengerusi MPKK bagi tujuan pengesahan sebelum atau pada 01-Mar-2019. Kegagalan mengemukakan borang ini boleh menyebabkan permohonan anda GAGAL. |



**© UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT NEGERI, 2019**